**Rujukan : UKM PPI/244/7**
**Tarikh : 6 September 2016**

**PEKELILING CRIM BIL. 14/2016**

**Dekan/Pengarah**

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Undang-undang
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
- Fakulti Perubatan & Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Sains Kesihatan
- Fakulti Farmasi
- Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (UKM-GSB)
- Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
- Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
- Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
- Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
- Institut Sel Fuel (SELFUEL)
- Institut Islam Hadhari (HADHARI)
- Institut Kajian Etnik (KITA)
- Institut Perubahan Iklim (IPI)

- Institut Informatik Visual (IVI)
- Institut Telinga, Pendengaran dan Pertuturan (HEARS)
- Pusat Citra UKM
- Pusat Permata PintarNegara
- UKM-Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS (UKM-CESMED)
- Pusat Kepimpinan Wanita (PKW)

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr.,

**MAKLUMAN PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN *(GOODS AND SERVICES TAX)* KE ATAS DANA PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr. sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan *(Goods and Services Tax – GST)* mulai 1 April 2015. Untuk makluman, Jabatan Pendidikan Tinggi telah mengadakan perbincangan berhubung kenaan GST terhadap geran-geran penyelidikan di bawah program Dana Penyelidikan Fundamental KPT bersama Bahagian Cukai Kementerian Kewangan.

3. Kementerian Kewangan memaklumkan bahawa geran penyelidikan di bawah program Dana Penyelidikan Fundamental KPT perlu dikenakan GST kerana geran ini tertakluk kepada syarat-syarat dan output yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, semua institusi penerima geran adalah dipohon mengambil maklum dan tindakan seperti berikut:

3.1. Setiap geran di bawah program Dana Penyelidikan Fundamental KPT perlu dikenakan GST;
3.2. Kenaan GST adalah berdasarkan amaun yang diterima pada tahun tersebut; dan
3.3. GST juga dikenakan ke atas apa-apa pembelian/perolehan yang berkaitan dengan projek penyelidikan yang diluluskan.

4. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr., Kementerian Pendidikan Tinggi sedang menyediakan kertas cadangan berhubung pelaksanaan GST ke atas geran penyelidikan yang berkaitan untuk pertimbangan Kementerian Kewangan. Sehubungan itu buat masa ini, geran-geran KPT adalah tertakluk kepada GST sehingga terdapat sebarang makluman rasmi daripada Kementerian Kewangan. Bersama-sama ini dilampirkan surat rasmi daripada Kementerian untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr.

5. Sukacita YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr. dapat memanjangkan perkara ini kepada semua penyelidik di Fakulti, Institut dan Pusat masing-masing. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr. dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**PROF. DR. MUHAMMAD FAUZI BIN MOHD. ZAIN**
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

s.k.

- YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlin bin Mokhtar
  Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
  Universiti Kebangsaan Malaysia

- Puan Khalijah Hj. Bakar
  Bendahari
  Universiti Kebangsaan Malaysia

- Dr. Mohamad Sanusi Bin Jangi
  Pengarah
  Pusat Inovasi Kolaboratif

- En. Mansor Shahid
  Ketua Bahagian Kewangan Penyelidikan
  Jabatan Bendahari

**KETUA SETIAUSAHA**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 5051
Faks : 603-8870 6806
Laman Web : http://www.mohe.gov.my

Ruj. Kami : JPT.S(BPKI)2000/010/02/015 ( 72 )
Tarikh : 30 Ogos 2016

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (*GOODS AND SERVICES TAX*) KE ATAS DANA PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan, Kerajaan telah melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax* - GST) mulai 1 April 2015. Untuk makluman, Jabatan Pendidikan Tinggi telah mengadakan perbincangan berhubung kenaan GST terhadap geran-geran penyelidikan di bawah program Dana Penyelidikan Fundamental KPT bersama Bahagian Cukai Kementerian Kewangan.

3. Susulan daripada perbincangan tersebut, Kementerian Kewangan memaklumkan bahawa geran penyelidikan di bawah program Dana Penyelidikan Fundamental KPT perlu dikenakan GST kerana geran ini tertakluk kepada syarat-syarat dan output yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, semua institusi penerima geran adalah dipohon mengambil maklum dan tindakan seperti berikut:

3.1. Setiap geran di bawah program Dana Penyelidikan Fundamental KPT perlu dikenakan GST;

3.2. Kenaan GST adalah berdasarkan amaun yang diterima pada tahun tersebut; dan

3.3. GST juga dikenakan ke atas apa-apa pembelian/perolehan yang berkaitan dengan projek penyelidikan yang diluluskan.

4. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan, Kementerian Pendidikan Tinggi sedang menyediakan kertas cadangan berhubung pelaksanaan GST ke atas geran penyelidikan yang berkaitan untuk pertimbangan Kementerian Kewangan. Sehubungan itu buat masa ini, geran-geran KPT adalah tertakluk kepada GST sehingga terdapat sebarang makluman rasmi daripada Kementerian Kewangan.

5. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(TAN SRI DR. NOORUL AINUR MOHD. NUR)**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi